

1. Permulaan baik pupuk budaya jimat cermat

Kuala Lumpur: Langkah penjimatan sektor awam yang dilaksanakan kerajaan adalah satu permulaan baik memupuk budaya berjimat cermat dalam kalangan rakyat.

Bagaimanapun, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye berpendapat beberapa elaun termasuk keraian perlu lebih banyak dikurangkan berbanding kira-kira 10 peratus.

Pada masa sama, beliau berkata, kerajaan perlu memberi perhatian terhadap ketirisan dan pembaziran perbelanjaan awam seperti dalam Laporan Audit 2012.

"Jika kerajaan benar-benar serius untuk berjimat, banyak cara boleh dilaksanakan termasuk mengurangkan perbelanjaan dalam penganjuran majlis.

"Namun, aspek penyelenggaraan kemudahan awam tidak boleh dikurangkan bagi memastikan rakyat terus mendapat perkhidmatan selesa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pantau pengurusan kewangan

Lam Thye turut menggesa kementerian dan agensi kerajaan meningkatkan pemantauan pengurusan kewangan bagi memastikan ia disalurkan secara munasabah.

"Semua agensi dan jabatan perlu serius meningkatkan sistem audit dalaman supaya kelemahan dalam pengurusan kewangan dapat dikesan lebih awal," katanya.

Sementara itu, aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Sheikh Abd Kareem S Khadaied turut menyambut baik langkah Datuk Seri Najib Razak mengumumkan langkah pengurangan perbelanjaan sektor awam itu.

Katanya langkah itu selari dengan prinsip Perdana Menteri yang dilihat konsisten dalam memastikan rakyat diutamakan dalam agenda pembangunan negara.

"Ini bukan sesuatu yang baharu. Memang menjadi objektif Malaysia sejak dulu dalam memastikan perbelanjaan negara dilakukan secara berhemah," katanya.



Jumaat, 3 Januari 2014

2. Pengarah JPN dibenar lulus projek RM5j

Usaha perkasa jabatan pendidikan di bawah fasa pertama PPPM

Kuala Lumpur: Mulai tahun ini, Pengarah Pendidikan Negeri (JPN) boleh meluluskan projek pembangunan sehingga RM5 juta setahun untuk negeri masing-masing, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia sebahagian transformasi pendidikan untuk memperkasakan jabatan pendidikan negeri dan daerah di bawah fasa pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan, berkata Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan sudah meluluskan penurunan kuasa kepada pejabat pendidikan negeri.

Peningkatan 10 kali ganda

"Jika dulu, pejabat pendidikan negeri hanya boleh meluluskan RM500,000, kini jumlah itu meningkat RM5 juta iaitu peningkatan 10 kali ganda.

"Oleh itu, jika ada yang perlu dilaksanakan segera, pengarah negeri boleh melaksanakan dengan memanggil sebut harga atau tender untuk selesaikan hal berkaitan pelaksanaan infrastruktur fizikal dan perolehan di negeri masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau hari pertama persekolahan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa di sini, semalam.

Sebelum itu, Muhyiddin melawat Sekolah Menengah Kebangsaan St Gabriel dan Sekolah Jenis

Kebangsaan (SJK) Tamil Kampung Pandan, di sini.

Terdahulu, beliau meninjau suasana hari pertama sesi persekolahan 2014 di Sekolah Kebangsaan Presint 14 (1) Putrajaya.

Muhyiddin berkata, transformasi itu membolehkan pengagihan keputusan pelaksanaan dan mempercepatkan proses kelulusan tanpa melalui kementerian, sekali gus memastikan perjalanan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

Faham masalah bawahan

"Ini bermakna kuasa bukan hanya tertumpu di kementerian saja, sebaliknya diagihkan kepada pengarah pendidikan negeri dan pegawai pendidikan daerah kerana mereka lebih memahami masalah bawahan," katanya.

Mengenai isu kekurangan guru di sekolah seluruh negara, Muhyiddin berkata, ia akan diatasi dalam tempoh terdekat.



Isnin, 6 Januari 2014

3. 3.3 juta peluang kerja disedia menjelang 2020

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak yakin sasaran mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang 2020 mampu dicapai berdasarkan kejayaan membuka 1.1 juta peluang pekerjaan pada 2011 dan 2012.

Perdana Menteri berkata, pada 2011, Malaysia berjaya mewujudkan 313,741 peluang pekerjaan dalam semua sektor dan jumlah itu meningkat kepada 800,000 peluang pekerjaan pada 2012.

Katanya, usaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan adalah sejajar sasaran menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 dengan 3.3 juta peluang pekerjaan.

"Sejak 2011, lebih sejuta peluang pekerjaan diwujudkan untuk rakyat melalui usaha penjanaaan ekonomi," kata Najib melalui catatan terbaharu beliau dalam Facebooknya.

Julai lalu, Bank Dunia melalui Laporan Menjalankan Perniagaan 2013, meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-12 di dunia, lebih baik daripada Sweden, Taiwan, Jerman, Jepun dan Switzerland.

Kajian Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU) 2012 menunjukkan Malaysia boleh mencapai status negara maju menjelang 2018, iaitu dua tahun lebih awal daripada sasaran.



Isnin, 6 Januari 2014

4. Guna tenaga Malaysia berkembang sederhana

Penggunaan tenaga di Malaysia dijangka berkembang sederhana tahun ini dengan pertumbuhan kecil penduduk serta perkembangan ekonomi yang sederhana, demikian menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA).

IEA berkata, Malaysia adalah pengguna tenaga ketiga terbesar di ASEAN dan penduduk negara ini meningkat pada kadar purata 1.2 peratus setahun, manakala pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada purata empat peratus setahun.

'Faktor ini membantu memacu peningkatan dalam permintaan tenaga utama Malaysia dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.3 peratus," katanya dalam laporan khas, Prospek Tenaga Asia Tenggara yang disiarkan baru-baru ini.

Mengikut IEA, pertumbuhan permintaan tenaga Malaysia perlahan dari masa ke masa selepas pertumbuhan dalam jumlah penduduk dan KDNK sederhana.

Ia berkata, penggunaan tenaga per kapita Malaysia kini agak tinggi pada peringkat serantau iaitu pada 61 peratus daripada purata Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Pengeluaran 70 bcm

Dari segi penawaran, IEA berkata, pengeluaran gas Malaysia dijangka meningkat dalam jangka masa sederhana untuk mencapai kira-kira 70 bilion meter padu (bcm) pada 2020 dengan hampir separuh daripadanya untuk pasaran eksport.

"Prospek untuk eksport terus kekal kukuh dalam jangka sederhana dengan penemuan baru-baru ini dan perkembangan baharu dijangka memastikan terminal gas asli cecair (LNG) beroperasi pada kapasiti penuh sekurang-kurangnya sehingga 2018," katanya.

Mengikut IEA lagi, rizab gas Malaysia yang terbukti ialah 2.4 trilion meter padu.

Bagi minyak pula, agensi antarabangsa itu berkata, bekalan minyak Malaysia dijangka meningkat kepada 740,000 tong sehari dalam jangka pendek berbanding 670,000 tong sehari yang dicatatkan tahun lepas.

Ia berkata, projek penemuan minyak dipertingkat (EOR) dan peningkatan pengeluaran minyak dari projek laut dalam luar pesisir Sabah dijangka mengembalikan pengeluaran Malaysia yang berkurangan. BERNAMA



Isnin, 6 Januari 2014

5. Pelaburan syariah peluang umat Islam tambah harta

Masyarakat Islam wajar mengambil peluang mengembangkan nilai harta menerusi pelaburan saham kerana 71 peratus atau 653 daripada 914 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia adalah berlandaskan syariah.

Presiden Persatuan Pelabur Strategik Melayu Malaysia (PPSMM), Norizam Tukiman, mencadangkan umat Islam memanfaatkan peluang menerusi pelaburan saham kerana dividen yang diperoleh daripada pelaburan dalam syarikat berkenaan adalah halal.

Katanya, Malaysia sudah tersohor di arena antarabangsa kerana mempunyai sistem perbankan, produk halal dan saham berasaskan syariah yang mana masyarakat Islam wajar merebut peluang yang tersedia.

Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti bulan lalu ada mengeluarkan senarai lengkap saham berlandaskan syariah yang terdapat di Bursa Malaysia dan boleh diceburi masyarakat Islam.



Isnin, 6 Januari 2014

6. LKIM beku lesen eksport hasil laut

Kuala Lumpur: Lesen untuk semua aktiviti pengeksporan ikan dibekukan serta merta sehingga bekalan dan harga hasil laut itu terkawal dan mampu memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Irmohizam Ibrahim, berkata pihaknya juga sudah meminta Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) mengeluarkan stok ikan dianggarkan 50 tan untuk pasaran tempatan.

Pembekuan semua lesen itu, katanya, berkuat kuasa sehingga masalah kekurangan bekalan ikan selesai yang dijangka mengambil tempoh antara dua hingga tiga bulan.

"Langkah drastik ini sebahagian usaha kerajaan mengekang kenaikan mendadak harga ikan seperti dilaporkan media serta aduan orang ramai sejak beberapa hari lalu.

"Stok ikan NEKMAT yang sebelum ini dieksport, akan dijual di pasaran tempatan bagi mengimbangi permintaan, sekali gus mengelakkan kenaikan harga," katanya.

Faktor cuaca

Bercakap ketika dihubungi BH semalam, beliau percaya, menerusi langkah sedemikian, ikan rakyat terutama kembung, selar dan kerisi mampu memenuhi permintaan pemborong serta pengguna runcit di samping mengelakkan kebergantungan kepada hasil laut import terutama dari Thailand.

Irmohizam juga menafikan dakwaan kenaikan mendadak harga ikan disebabkan peningkatan kos operasi, sebaliknya kerana faktor cuaca seperti musim tengkujuh dan ombak besar yang sedang melanda perairan Pantai Timur dan utara Semenanjung.

"LKIM memahami keluh resah rakyat dan kami komited menangani kenaikan harga ikan secara bijaksana dengan bantuan NEKMAT," katanya sambil menambah, LKIM dan Jabatan Perikanan juga menjalin kerjasama strategik untuk meningkatkan pengeluaran ikan melalui penternakan dalam sangkar dan industri akuakultur.

Inisiatif lain, katanya, adalah memberi bantuan kepada nelayan seperti subsidi diesel dan petrol, Skim Insentif Hasil Tangkapan Ikan, Skim Bayaran Sara Hidup Nelayan serta Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan selain memasang lebih banyak tukun di kawasan pesisir pantai.

Dalam pada itu, Irmohizam yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor, mencadangkan supaya kerajaan membuka gudang simpanan makanan bagi menampung permintaan pasaran jika berlaku kekurangan stok selain berupaya mengatasi isu kenaikan harga barangan.



Selasa, 7 Januari 2014

7. Kebersihan, layanan mesra kelebihan pikat pelancong

Hakikat bahawa industri pelancongan sebagai satu daripada sumber utama pendapatan negara memang diakui semua pihak. Justeru, dalam keadaan ekonomi negara tidak menentu sekarang, ramai berharap Kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 yang dirasmikan dengan penuh warna warni

malam kelmarin, mampu menampung kekurangan dalam sektor lain ekonomi negara tahun ini.

TMM 2014 bertemakan *Celebrating 1Malaysia Truly Asia* menyasarkan pendapatan RM76 bilion menerusi kunjungan kira-kira 28 juta pelancong tahun ini. Kerajaan menetapkan sasaran menerima kunjungan 36 juta pelancong dan menjana pendapatan RM168 bilion daripada sektor pelancongan pada 2020.

Sementara kita boleh berbangga dengan pelbagai tarikan yang ada di negara ini untuk menarik pelancong asing, harus diingat beberapa negara jiran juga turut mempunyai keistimewaan serupa, malah sesetengahnya lebih baik dan sudah lama dikenali di seluruh dunia.

Walaupun kita berasakan mempunyai pantai dan pulau yang indah, Thailand dan Indonesia juga turut menjadi destinasi pelancongan kerana kedua-dua tarikan itu. Malaysia mungkin mempunyai Langkawi atau Tioman, tetapi Bali, Phuket atau Pattaya lebih popular terutama di kalangan pelancong berkulit putih.

Kita juga tidak boleh mendakwa Kuala Lumpur sebagai satu-satunya syurga membeli-belah di rantau ini apabila pelancong asing lebih suka berbelanja untuk mendapatkan fesyen terbaru di Singapura atau Hong Kong.

Kepelbagaian budaya, aneka makanan

Keistimewaan sebenar Malaysia dalam bidang pelancongan yang tidak ada di kalangan negara jiran ialah kepelbagaian budaya dan aneka makanan daripada rakyat berbilang kaum. Dengan tiga kaum terbesar dan lebih 30 etnik Bumiputera di Sabah dan Sarawak, kita bukan saja mempunyai warisan budaya yang menarik, tetapi pelbagai jenis makanan dan sajian.

Daripada nasi lemak, roti canai, yong tau fu dan nasi kandar, sehinggalah kepada pelbagai makanan tradisional penduduk atau negeri tertentu seperti masakan nyonya, makanan dari Kelantan, Terengganu dan Sarawak, Malaysia layak digelar syurga makanan. Itu belum termasuk pelbagai jenis makanan antarabangsa yang mudah dan murah di bandar besar negara ini.

Di sinilah letaknya tanggungjawab pengusaha makanan atau restoran dalam mengutamakan dua perkara - kebersihan dan layanan - yang menentukan sama ada pelancong bukan saja datang semula ke tempat mereka, tetapi mungkin datang lagi ke Malaysia.

Dua perkara ini mungkin kelihatan remeh, tetapi kepada sesiapa yang pernah melancong ke luar negara terutama negara dunia ketiga, ia menjadi antara soalan utama diajukan oleh keluarga dan rakan apabila pulang ke tanah air nanti.

Soal kebersihan tidak seharusnya tertumpu kepada penyediaan dan sajian makanan semata-mata, tetapi juga membabitkan persekitaran terutama tandas. Jika keadaan tandas di stesen minyak dan restoran mamak boleh dijadikan ukuran, kita khuatir ia boleh memberi gambaran buruk kepada pelancong asing mengenai tahap kebersihan rakyat negara ini.

Begitu juga dari segi layanan di restoran dan hotel, kita masih ketinggalan berbanding senyuman dan keramahan pelayan restoran/hotel di Thailand dan Indonesia walaupun bahasa Inggeris mereka mungkin tidak sefasih pekerja hotel/restoran kita.

Tidak kurang pentingnya ialah pekerja sektor pengangkutan awam terutama pemandu teksi, orang pertama ditemui pelancong apabila memasuki negara ini. Pihak berkuasa berkaitan perlu bertindak tegas terhadap mana-mana pemandu teksi dilaporkan bersikap kasar atau menipu pelancong kerana perbuatan itu boleh menjejaskan industri pelancongan negara.

Ikhlas layan pelancong

Bahawa kita pernah melancarkan kempen 'senyum' di kalangan pekerja industri pelancongan dan pengangkutan awam satu ketika dulu membuktikan perkara ini. Kita tidak mengharapkan mereka senyum sepanjang masa, tetapi layanan kepada pelanggan atau pelancong biarlah menampilkan keikhlasan, bukan kerana terpaksa.

Dalam keghairahan kita menjayakan TMM 2014, janganlah pula kepentingan rakyat sendiri

diketepikan. Selain pekerja industri ini seharusnya memberi layanan serupa kepada rakyat tempatan dan pelancong asing, kita juga mahu hanya pelancong sebenar datang ke Malaysia sepanjang kempen ini.

Ketika pelbagai masalah ditimbulkan oleh kebanjiran jutaan pendatang asing sekarang, kita pasti tidak mahu ada kalangan yang mengambil kesempatan daripada TMM 2014 untuk membawa masuk rakyat dari negara tertentu atas nama pelancongan tetapi bekerja atau melakukan kegiatan haram di negara ini.



Khamis, 9 Januari 2014

8. Datuk direman kes terima suapan RM2j

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang ahli perniagaan berstatus Datuk kerana disyaki menerima suapan berjumlah RM2 juta, malam kelmarin.

Pengarah Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Jamidan Abdullah, berkata suspek berusia lingkungan 50-an yang juga pengarah urusan sebuah syarikat kejuruteraan itu ditahan bersama rakan kongsi di ibu negara.

Hasil maklumat awam

Katanya, penahanan kedua-dua suspek kira-kira jam 8.30 malam itu dilakukan hasil maklumat awam dan risikan SPRM.

Mereka ditahan bagi membantu siasatan SPRM membabitkan penerimaan kontrak berkaitan urusan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan penghantaran 200 lori dari sebuah syarikat di China, bernilai RM2 juta.

Semua lori berkenaan dibeli bagi kegunaan projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala

Lumpur 2 (KLIA 2), katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Jamidan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16 (a) (A), Akta SPRM dan Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Katanya, kedua-dua suspek kini ditahan reman selama lima hari, bermula semalam.

Difahamkan, siasatan SPRM menjurus kepada maklumat yang diperoleh mengatakan kedua-dua suspek dipercayai mengeluarkan wang daripada akaun syarikat terbabit mencecah RM2 juta, secara berperingkat sejak 2012, sebagai wang suapan kepada penjawat awam yang dikatakan berkait dengan perolehan kontrak.



Jumaat, 10 Januari 2014

9. Pertumbuhan jualan pembuatan November RM53b

Sektor pembuatan Malaysia mencatatkan pertumbuhan jualan sebanyak 4.4 peratus atau RM2.3 bilion pada November 2013 kepada RM53.2 bilion daripada RM50.9 bilion dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan, berkata peningkatan itu disumbang kan oleh kenaikan jualan dalam 72 daripada 116 industri yang diliputi dalam penyiasatan.

Bagaimanapun, nilai jualan menurun 1.7 peratus atau RM900 juta, daripada bulan sebelumnya.

"Nilai jualan pada Oktober 2013 dikemas kini kepada positif 1.6 peratus berasaskan tahun ke tahun dengan mencatatkan RM54.1 bilion," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Jabatan itu berkata, pembuatan penerima televisyen dan radio, rakaman bunyi atau video atau peralatan rakaman semula dan barangan berkaitan meningkat RM460.5 juta kepada RM2.62 bilion daripada RM2.16 bilion pada 2012.

Pembuatan injap dan tiub elektronik dan papan litar ber cetak naik RM419.8 juta kepada RM1.99 bilion, manakala pembuatan pemancar televisyen dan radio serta peralatan untuk talian telefon dan telegraf meningkat RM277.9 juta kepada RM977.3 juta.

Menurut jabatan itu, produk lain yang menunjukkan peningkatan ialah pembuatan produk petroleum bertapis (naik RM262.5 juta kepada RM12.74 bilion) dan pembuatan komputer dan peranti komputer (meningkat RM198.7 juta kepada RM2.25 bilion). -



Isnin, 13 Januari 2014

10. Program penerangan GST diperluas

Kerajaan akan terus memperluas program penerangan mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) termasuk melalui media massa sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya April tahun depan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata program pemahaman mengenai GST untuk rakyat dimulakan dengan menggunakan pelbagai media termasuk media cetak, elektronik serta papan iklan.

Katanya, ia kini diperluaskan di setiap negeri melalui program Pemerkasaan Ekonomi Nasional (PENA) yang dihadiri antara 3,000 hingga 4,000 bagi setiap sesi.

"Kita akan menggunakan tempoh 15 bulan ini sepenuhnya untuk memberi kefahaman kepada rakyat kerana didapati masih ada yang tidak faham konteks antara Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan GST.

GST dilaksana 1 April 2015

"Sebagai contoh, dalam satu majlis, seorang individu datang membawa inois dan berkata dia dikenakan GST dan bertanya kenapa dikenakan GST sekarang sedangkan cukai dikenakannya itu sebenarnya SST," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat UMNO Bahagian Tambun di Ipoh, semalam.

Kerajaan akan memperkenalkan GST sebanyak enam peratus bermula 1 April 2015 bagi menggantikan SST yang kebiasaannya mengenakan cukai antara lima hingga 10 peratus bagi setiap cukai jualan atau

perkhidmatan dan maksimum 16 peratus bagi kedua-dua cukai ke atas barang dan perkhidmatan tertentu.

Ahmad Husni yang juga Ketua UMNO Bahagian Tambun, berkata menerusi GST, cukai dikenakan pada kadar sama rata enam peratus berbanding SST mengenakan kadar berbeza yang lebih tinggi.

Beliau berkata, ekonomi negara akan semakin kondusif apabila GST dilaksanakan berikutan kerajaan akan memperoleh lebih pendapatan untuk diberikan kepada rakyat dalam pelbagai bentuk bantuan



Rabu, 15 Januari 2014

11. Kaji semula SOP bawa pulang senjata api

Polis perlu mengkaji semula Prosedur Operasi Standard (SOP) membawa senjata api kerana SOP sedia ada masih gagal mengekang kehilangan aset itu terutama dalam kalangan anggota yang tidak bertugas.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata mengikut SOP sedia ada, beliau difahamkan selepas tamat tugas rondaan atau kawalan, setiap anggota perlu menyerahkan senjata api kepada penjaga stor.

Bagaimanapun, katanya, persoalan timbul apabila beberapa kes kehilangan senjata api berlaku membabitkan anggota yang tidak bertugas.

Teliti keperluan bawa senjata

"Saya mahu polis meneliti semula keperluan anggotanya membawa senjata api selepas waktu bertugas dan mengkaji semua SOP sedia ada yang jelas masih gagal membendung kehilangan senjata api di kalangan anggota," katanya selepas sambutan Maulidur Rasul di Sekolah Kebangsaan Matu Baru, di sini semalam.

Beliau mengulas kejadian anggota polis bertugas di Lundu, Kuching yang kehilangan pistol jenis

Walter P99 bersama dua kelopak dengan 21 butir peluru di Jalan Stephen Yong, Ahad lalu selepas kenderaan miliknya dipecah penjenayah.



Jumaat, 17 Januari 2014

12. Unjuran IATA didakwa punca kos bina KLIA 2 meningkat

Kuala Lumpur: Peningkatan kos pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) berpunca daripada kepesatan industri penerbangan dunia yang lebih memihak kepada penerbangan tambang rendah.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamad, berkata antara isu berbangkit KLIA 2 yang dikesan menjadi punca peningkatan kos pembinaannya adalah mengenai pembinaan landasan, terminal dan aspek teknikal.

Beliau berkata, perubahan rancangan asal kerajaan itu bagi menepati unjuran Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) yang menjangkakan peningkatan kemasukan penumpang penerbangan tambang rendah sebanyak 45 juta.

"Sebelum ini, IATA menjangkakan kemasukan penumpang penerbangan tambang rendah di KLIA 2 adalah 25 juta saja. Ini berpunca daripada perubahan mendadak industri penerbangan dunia," katanya pada sidang media di Parlimen, di sini, semalam.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Negara Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Long See Wool, hadir menjelaskan peningkatan kos pembinaan KLIA 2 kepada PAC, selain menjawab beberapa soalan berbangkit.

PAC bakal teliti semua maklumat

Ditanya sama ada PAC berpuas hati dengan penjelasan KSU, Nur Jazlan berkata, segala penjelasan mengenai KLIA 2 sudah diterima dan pihaknya akan meneliti sebelum membuat apa-apa rumusan.

"Saya tidak kata PAC berpuas hati dengan penjelasan KSU, tetapi kita akan teliti maklumat yang diberikan supaya dapat mencapai rumusan kenapa perkara (peningkatan kos KLIA 2) ini boleh berlaku.

"PAC tidak buat rumusan sekarang kerana kita baru saja menerima semua maklumat. Perkara ini masih lagi dalam perbincangan terbuka, saya tidak mahu terus buat kesimpulan berhubung isu ini," katanya.

Mengenai pemantauan lanjut, beliau berkata, PAC akan melawat KLIA2 awal bulan depan selain meneliti pelaksanaannya daripada sebarang ketirisan atau penyelewengan.

"Kita lawat sebab nak pastikan betul atau tidak, apa yang dijelaskan KSU, selain meneliti Pemindahan Lapangan Terbang dan Kesediaan Operasi (ORAT) selepas Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan kepada bangunan dan landasan," katanya.



Isnin, 20 Januari 2014

13. Sampah negara kian menggunung

Kuala Lumpur: Negara kini disifatkan menghampiri tahap kritikal, untuk menampung bahan buangan berikutan purata penjaan 800 gram sampah sehari oleh setiap penduduk.

Penjaan sampah bagi setiap penghuni bandar khususnya di Kuala Lumpur, mencapai 1.25 kilogram pada tahun lalu.

Situasi itu menyaksikan penduduk negara ini menjana 30,000 hingga 33,000 tan sampah sehari.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata tahun lalu, kerajaan membelanjakan RM1.2 bilion bagi tujuan pengurusan sampah.

Hadapi 7 tahun lebih awal

Beliau berkata, angka itu pada asalnya menjadi jangkaan untuk 2020, namun dihadapi tujuh tahun lebih awal.

14. 'ASEAN tumpuan dunia'

Kuching: ASEAN berpotensi muncul sebagai wilayah pelancongan tumpuan dunia, sekali gus berkembang menjadi satu industri teras yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serantau, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, keyakinan itu bersandarkan jumlah kunjungan pelancong ke rantau ini yang mencatatkan peningkatan menggalakkan hampir saban tahun.

ASEAN mempunyai masa depan yang cerah dalam konteks pelancongan, dengan jumlah kemasukan pelancong ke Asia Tenggara diunjurkan sebanyak 5.1 peratus, jauh lebih tinggi dari purata kenaikan pada peringkat global yang hanya dijangka mencatatkan 3.3 peratus bagi tempoh 2010 hingga 2030.

Keseluruhannya, Asia Tenggara dijangka menerima kunjungan 187 juta pelancong menjelang 2030 berbanding hanya 69.9 juta pelancong yang dicatatkan pada 2010, katanya ketika merasmikan Forum Pelancongan ASEAN Ke-33 (ATF33) di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di sini malam tadi.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Aziz dan Menteri Pelancongan dan Perumahan Sarawak, Datuk Seri Abang Johari Abang Openg.

Disertai 1,600 delegasi

Lebih 1,600 anggota delegasi, termasuk Menteri Pelancongan dari ASEAN menyertai ATF33 yang berlangsung dari 16 hingga 23 Januari ini.

Najib berkata, pertambahan jumlah pelancong itu secara tidak langsung meningkatkan keupayaan ASEAN menguasai 7.4 peratus pasaran pelancongan di peringkat global.

Ini sekali gus meletakkan ASEAN sebagai wilayah ekonomi berasaskan industri pelancongan yang bukan saja dinamik, malah berdaya saing di peringkat global.

Justeru, dengan adanya penganjuran ATF33, kerjasama di kalangan negara anggota dapat diperkukuhkan untuk terus memakmurkan pertumbuhan industri pelancongan serantau, katanya.

Bertemakan ASEAN - Membangunkan Industri Pelancongan Bersama, ATF33 juga menjadi platform bagi merangka pelaksanaan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN (ATSP).

Bangun produk inovatif

Saya dimaklumkan kita (ASEAN) berada di landasan betul untuk melaksanakan strategi digariskan di bawah pelan berkenaan, termasuk usaha membangunkan produk inovatif pelancongan serantau.

Ini turut membabitkan pelaksanaan pemasaran kreatif dan strategi pelaburan, meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia, kemudahan dan perkhidmatan, selain menambah baik sistem perhubungan sesama negara anggota, katanya.



Selasa, 21 Januari 2014

15. Kerajaan mampu jimat RM400j: KSN

Putrajaya: Kerajaan mampu menjimatkan perbelanjaan sehingga kira-kira RM400 juta tahun ini hasil pelaksanaan 11 langkah perbelanjaan berhemat sektor awam, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Katanya, penjimatan itu mencerminkan kesungguhan penjawat awam untuk berkongsi impak pengurangan perbelanjaan bersama rakyat selaras konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

Pekeliling mengenai langkah penjimatan ini sudah dikeluarkan, malah satu garis panduan khas juga akan dikeluarkan dalam masa terdekat berhubung pengurangan lima peratus kos utiliti elektrik di semua kementerian, jabatan, agensi dan premis kerajaan.

Kita akan mengkaji dari semasa ke semasa langkah penjimatan tambahan dan perkara ini juga akan dibincangkan dalam masa terdekat bersama semua kementerian sebelum cadangan dibawa kepada Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara (JPPN) untuk diteliti, katanya selepas Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara 2014, di sini, semalam.

Perbelanjaan berhemat

Langkah mengurangkan perbelanjaan sektor awam yang berkuat kuasa 1 Januari lalu, diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada akhir 2013, selaras hasrat kerajaan untuk mengamalkan perbelanjaan berhemat pada 2014.

Inisiatif itu termasuk pemotongan elaun tol dan keraian bagi menteri dan timbalan menteri, pengurangan penggunaan elektrik di semua premis kerajaan serta pengurangan hidangan pada majlis rasmi. Langkah penjimatan lain bakal diperkenalkan secara berperingkat berdasarkan keadaan semasa.

Ali berkata, pihaknya akan mengkaji, menambah baik beberapa skim perkhidmatan awam termasuk Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dengan sasaran 100,000 unit rumah berharga RM150,000 hingga RM300,000 dibina dalam tempoh lima tahun, selain memperkenalkan rumah RM90,000 bagi kumpulan pelaksana, kakitangan awam Gred 41 ke bawah.

Kita juga akan bayar bayaran lebih masa. Contohnya, kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang banyak berdepan pelanggan, melayan kerenah dan menyelesaikan masalah mereka sampai perlu bekerja hingga malam, Sabtu dan Ahad, kita akan bayar overtime kepada mereka, katanya.

Pada majlis sama, beliau melancarkan buku *Merakyatkan Perkhidmatan Awam* bertujuan memastikan sistem penyampaian kerajaan menepati keperluan dan aspirasi rakyat bersandarkan enam prinsip iaitu keterbukaan, turun padang, musyawarah, insaniah, kekitaan dan kerjasama awam-swasta-NGO.

16. Kesan dasar gaji minimum dinilai tengah tahun

KUALA LUMPUR: Cadangan penambahbaikan gaji minimum akan diperhalusi pada pertengahan tahun ini, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Anak Jaem.

Beliau berkata, masih terlalu awal untuk membincangkan cadangan itu kerana gaji minimum hanya dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Januari lalu.

"Kami akan hanya tahu impaknya sekurang-kurangnya selepas enam bulan pelaksanaannya dan kami akan lakukan semakan pertengahan penggal sama ada pada Jun atau Julai.

"Pada masa itulah baru kami menghalusi mana-mana cadangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak dan memperbaiki kelemahan yang wujud," katanya dalam sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat antara Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, hari ini.

Riot berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan KPMG Malaysia baru-baru ini supaya sektor swasta dan awam menaikkan gaji pekerja mereka secara berperingkat bagi membantu pekerja menangani kos hidup yang semakin meningkat.

Pemeteraian Ikrar Integriti Korporat antara PSMB dan SPRM bertujuan meningkatkan kesedaran dan nilai integriti dalam kalangan pekerja selain menyokong inisiatif kerajaan untuk memperbaiki kedudukan negara bagi Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

Majlis menandatangani ikrar itu disempurnakan oleh Ketua Eksekutif PSMB, Ali Badaruddin Abd Kadir dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan dengan disaksikan oleh Riot.

Terdahulu dalam ucapannya, Riot berkata PSMB adalah agensi pertama di bawah Kementerian Sumber Manusia menandatangani Ikrar Integriti Korporat.

"Dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat, saya percaya PSMB melakukan lonjakan besar dan menghantar mesej betul dan penting kepada orang awam, untuk mengisytiharkan pendirian PSMB dalam soal integriti dan juga dalam memerangi rasuah.

"Oleh kerana bukan mudah untuk mengendalikan wang, lebih-lebih lagi dana besar berserta tanggungjawab berat untuk membantu negara kita meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir daripada 28 peratus kepada 33 peratus pada 2015 dan kepada 50 peratus pada 2020," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 13,989 syarikat dengan sejumlah 2.2 juta tenaga kerja dari sektor pembuatan dan perkhidmatan berdaftar dengan PSMB setakat 31 Disember 2013.

Riot berkata, ketika ini juga terdapat lebih 3,400 penyedia latihan berdaftar dan 4,376 program diluluskan dalam PSMB untuk memperakui kelayakan kemahiran pekerja Malaysia.

"Diharapkan di masa depan PSMB akan meningkatkan jumlah majikan berdaftar bagi membolehkan lebih banyak pekerja Malaysia dilatih, ditingkatkan kemahiran dan dilatih semula.

"Malah, ia akan terus membantu negara untuk mengeluarkan tenaga kerja kompeten dengan mengkaji kualiti penyedia latihan yang berdaftar dan program latihan ditawarkan," katanya.

Pada majlis itu, Riot turut melancarkan Kod Etika Perniagaan PSMB bagi memperkasakan prinsip integriti dalam kalangan pekerja dan pihak berkepentingan PSMB.

17. Malaysia pusat IT global Tech Mahindra

Tech Mahindra Ltd, penyedia penyelesaian teknologi maklumat (IT) multinasional yang berpangkalan di India, akan menjadikan Malaysia sebagai pusat pembangunan global terbesarnya di luar India.

Rancangan cabang perniagaan IT milik Mahindra Group, konglomerat pengilangan multinasional antara terbesar India itu, bakal menjadikan Malaysia sebagai destinasi penyumberan luar.

bagi memenuhi permintaan pelanggan globalnya termasuk dari Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan beberapa negara Asia Tenggara.

Naib Presiden dan Ketua ASEAN Tech Mahindra, Ram Ramachandran, berkata walaupun syarikat itu memiliki kehadiran di lebih 30 negara dengan kira-kira 83,000 tenaga kerja pakar IT seluruh dunia, kumpulan itu tetap melihat Asia sebagai rantau yang penting dan prospek Malaysia yang strategik dalam pelan pengembangannya.

Pusat pelaksana projek

Katanya, kini operasi di Malaysia berfungsi sebagai pusat pelaksanaan bagi projek dan kerja penyumberan luar syarikat tempatan, selain turut menyokong operasinya di negara lain dengan pelaksanaan projek penyumberan luar pelanggan globalnya.

"Kira-kira 60 peratus projek penyumberan luar operasi kami di Malaysia adalah dari luar negara dan selebihnya adalah projek daripada syarikat tempatan, bahkan kami juga menyediakan perkhidmatan, penyelenggaraan dan penyelesaian IT menyeluruh.

"Kami memilih Malaysia kerana negara ini pesat berkembang dan antara lima destinasi penyumberan luar paling menarik, sokongan kuat kerajaan, ramai pakar tempatan, keupayaan pelbagai bahasa dan lokasi strategik antara negara jiran," katanya kepada media di Kuala Lumpur, semalam.

Ram berkata, bagi menyokong pelan pengembangannya di Malaysia, syarikat mahu menggandakan saiz operasinya kepada 1,200 tenaga kerja mahir dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang berbanding kira-kira 600 pekerja kini.

Katanya, pengembangan itu bertujuan meningkatkan kapasiti dan menyediakan perkhidmatan baru terutama dalam industri IT seperti digital enterpris, komputer awan, mobiliti, analitikal, media sosial dan sekuriti.

"Kami juga akan membangunkan pusat kecemerlangan di kemudahan sedia ada ini bagi menambah baik perkhidmatan dan produk IT yang akan ditawarkan pada masa depan," katanya.



Isnin, 27 Januari 2014

18. Negara dijangka terima aliran dana asing separuh kedua

Negara Asia Tenggara termasuk Malaysia dijangka menerima aliran masuk dana asing yang kukuh pada separuh kedua tahun ini berikutan keadaan ekonomi yang positif di rantau ini.

Ketua Penyelidikan Kenanga Investment Bank, Chan Kew Yew, berkata jangkaan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) yang tidak berubah yang mungkin membawa kepada peningkatan asas monetari nominal dan penawaran wang, akan mencetuskan minat pelaburan.

"Pelabur akan mula melihat Asia Tenggara sekali lagi sebagai destinasi pelaburan susulan potensinya untuk terus berkembang pesat.

"Kadar faedah AS dijangka tidak berubah tahun ini. Sekiranya ada sebarang perubahan, ia hanya akan disemak semula pada 2015," katanya kepada pemberita selepas 'Dialog Unjuran Pasaran dan Feng Shui Kenanga 2014' di Kuala Lumpur.

Kew Yew berkata, ketegangan politik yang berlaku di Thailand dan Indonesia sekarang akan

menyebabkan pelabur menjauhkan diri buat sementara waktu serta boleh menyumbang kepada penyusutan nilai mata wang kedua-dua negara dan mata wang serantau lain.

"Bagaimanapun, sebaik sahaja senario ini berakhir, dana akan kembali semula dengan pantas ke negara dan rantau ini. Ini akan menjadi satu lagi alasan mengapa pelabur akan melihat kembali Asia Tenggara sebagai destinasi pelaburan," katanya.

Bagi Malaysia, beliau berkata jangkaan pengukuhan ringgit akan menjadi alasan yang boleh menarik pelabur ke negara ini.

"Kami menjangka ringgit mengukuh kepada RM3.09 pada akhir tahun, berbanding anggaran konsensus RM3.25.

"Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dijangka mengukuhkan lagi penarafan berdaulat Malaysia," katanya.

Kew Yew berkata, langkah penstrukturan semula subsidi yang dilaksanakan kerajaan juga dijangka mampu membantu menambahbaik paras fiskal negara. -



Selasa, 28 Januari 2014

19. RM100j bantu usahawan muda Bumiputera

Kuala Lumpur: Permohonan bantuan kewangan dalam bentuk geran menerusi Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB), khusus untuk usahawan muda membangunkan idea kreatif dan inovatif, akan dibuka mulai Ahad ini.

Tempoh 3 tahun

Geran dengan peruntukan dana RM100 juta bagi tempoh tiga tahun itu, terbuka kepada usahawan Bumiputera berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata menerusi SUPERB, syarikat permulaan Bumiputera berpeluang menerima kemudahan geran sehingga RM500,000 untuk mengembangkan perniagaan masing-masing ke peringkat lebih tinggi.



Selasa, 28 Januari 2014

20. Syor perkenal subjek Perlembagaan Persekutuan

Kuala Lumpur: Subjek Perlembagaan Persekutuan perlu diperkenal dan diwajibkan kepada semua murid sekolah rendah, pelajar menengah hingga universiti.

Tokoh akademik yang juga Ketua Eksekutif Karyawan, Datuk Zainal Abidin Borhan, berkata ia bertujuan memberi pemahaman khusus kepada rakyat terutama generasi akan datang mengenai semua perkara yang termaktub dalam Perlembagaan bagi mengelak polemik berterusan.

Katanya, mata pelajaran Sejarah semata-mata tidak mencukupi bagi mendidik seseorang itu menjadi warga yang menjunjung dan mendaulat Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama negara, sekali gus memerlukan subjek Perlembagaan diperkenal dan diwajibkan, bukan saja kepada pelajar, tetapi juga mereka yang menceburi bidang politik.

"Kalau rakyat tiada ilmu mengenai Perlembagaan negara, ia sesuatu yang sukar dan memalukan. Itu yang berlaku apabila rakyat hari ini mempersoalkan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan," katanya pada media selepas forum 'Relevansi Majlis Raja-Raja Melayu Sebagai Komponen Pentadbiran di Malaysia', di sini semalam.

Patuhi titah Sultan, fatwa

Mengulas tindakan pelbagai pihak mendakwa bukan Islam tidak perlu patuh kepada titah Sultan atau fatwa dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan berhubung isu kalimah Allah kerana Malaysia adalah negara sekular, beliau berkata, wajib setiap rakyat tanpa mengira kaum dan agama, taat kepada pemerintah kerana ia termaktub dalam Perlembagaan.

Sementara itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang juga Setiausaha Majlis Raja-Raja, Datuk Seri Danial Syed Ahmad, berkata majlis berkenaan boleh membincangkan isu berkaitan agama seperti kalimah Allah dalam persidangannya, Februari ini jika Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) mengusulkan perkara itu.